

KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 10 TAHUN 1974

ELAUN-ELAUN PENCEN, SARAWAK

Berikut dengan perakuan-perakuan Jawatankuasa Khas mengenai Faedah-faedah Persaraan dalam Perkhidmatan Awam dan Badan-badan Berkanun, adalah diputuskan supaya Elaun Tambahan dibayar ke atas penceen-penceen yang dikurniakan di bawah undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual berkembar.

Tarikh Berkuatkuasa

2. Mulai daripada 1hb Januari, 1973. Elaun Tambahan akan dibayar mengikut kadar yang dikira berdasarkan formula seperti berikut:

(a) bagi penceen pokok di antara \$0.01 hingga \$49.99 sebulan
satu jumlah sebanyak tiga puluh enam ringgit (\$36.00)
CAMPUR lima belas peratus (15%) daripada jumlah perbedaan di antara lima puluh ringgit (\$50.00) dengan penceen pokok.

Formula: $\$36.00 + 0.15 (\$50.00 - \text{penceen pokok})$.

(b) bagi penceen pokok di antara \$50.00 hingga \$199.99 sebulan
satu jumlah sebanyak lapan belas ringgit (\$18.00)
CAMPUR tiga puluh enam peratus (36%) daripada penceen pokok.

Formula: $\$18.00 + 0.36 \times \text{penceen pokok}$.

(c) bagi penceen pokok di antara \$200.00 hingga \$249.99 sebulan
satu jumlah sebanyak tujuh puluh lima ringgit dua puluh lima sen (\$75.25) CAMPUR tiga puluh satu setengah peratus (31½%) daripada jumlah perbedaan di antara dua ratus lima puluh ringgit (\$250.00) dengan penceen pokok.

Formula: $\$75.25 + 0.315 (\$250.00 - \text{penceen pokok})$.

(d) bagi penceen pokok di antara \$250.00 hingga \$330.99 sebulan
satu jumlah sebanyak enam puluh enam ringgit (\$66.00)
CAMPUR sebelas peratus (11%) daripada jumlah perbedaan di antara tiga ratus tiga puluh satu ringgit (\$331.00) dengan penceen pokok.

Formula: $\$66.00 + 0.11 (\$331.00 - \text{penceen pokok})$.

(e) bagi penceen pokok di antara \$331.00 hingga \$594.99 sebulan
satu jumlah sebanyak enam puluh enam ringgit (\$66.00)
TOLAK dua puluh lima sen (\$0.25) bagi tiap-tiap satu

ringgit pence itu melebihi tiga ratus tiga puluh satu ringgit (\$331.00).

Formula: $\$66.00 - 0.25$ (pence pokok = \$331.00).

(f) bagi pence pokok daripada \$595.00 ke atas

Elaun Tambahan tidak akan dibayar.

Kadar Elaun Tambahan

3. Mengikut formula yang tersebut di dalam perenggan 2, kadar-kadar Elaun Tambahan yang boleh dibayar ke atas pence-pence adalah ditunjukkan dalam Jadual di Lampiran "A" kepada Pekeliling Perkhidmatan ini. Jika pence yang terlibat itu mengandungi sebahagian daripada satu ringgit, Elaun Tambahan akan dibayar pada kadar yang berkenaan bagi ringgit genap yang tertinggi yang paling dekat.

Contohnya :

- (i) Pence pokok sebanyak \$59.60 menerima Elaun Tambahan sebanyak \$39.60;
- (ii) Pence pokok sebanyak \$100.10 menerima Elaun Tambahan sebanyak \$54.36.

Pence Yang Terdiri Daripada Beberapa Bahagian (Apportioned Pensions)

4. Jika seorang pesara menerima bahagian-bahagian pencennya daripada dua atau lebih pejabat Pentadbiran, sebarang Elaun Tambahan yang dibayar di bawah Pekeliling Perkhidmatan ini akan ditentukan berdasarkan kepada jumlah bahagian-bahagian itu, dan sebahagian daripada elauan itu yang merupakan bahagian Kerajaan Persekutuan, yang dikira mengikut contoh di bawah, akan dibayar kepada pesara berkenaan.

Encik "A" menerima pence sejumlah \$100.00 sebulan yang terdiri daripada bahagian-bahagian seperti berikut—

Bahagian pence kerana berkhidmat dengan Kerajaan Persekutuan ...	=	\$60.00 sebulan
--	---	-----------------

Bahagian pence kerana berkhidmat dengan Kerajaan "X" ...	=	\$40.00 sebulan
--	---	-----------------

Jumlah Pence	=	<u>\$100.00 sebulan</u>
--------------	---	-------------------------

Elaun Tambahan yang layak dibayar ke atas jumlah pence itu ...	=	\$54.00 sebulan
--	---	-----------------

Oleh itu, Elaun Tambahan yang layak dibayar ke atas bahagian pence sebanyak \$60.00 = \$54.00 × 60.00 =	<u>\$32.40 sebulan.</u>
---	-------------------------

100.00

Pesara yang menerima lebih daripada satu pence (Multiple Pensions)

5. (a) Jika seorang pesara itu menerima dua atau lebih pence di bawah undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual kepada Pekeliling Perkhidmatan ini, pence-pence itu hendaklah dijumlahkan bagi maksud mengira pemberian Elaun Tambahan di bawah Pekeliling Perkhidmatan ini.

(b) Jika penceen dibayar kepada seorang baliu, dan disamping itu baliu itu menerima penceen-penceen bagi pehak anak-anaknya yang belum cukup umur, Elaun Tambahan itu adalah dikira berdasarkan kepada jumlah penceen-pencen tersebut.

(c) Jika penceen-penceen dibayar kepada anak-anak yatim dari-pada ibu-bapa yang sama, Elaun Tambahan itu juga dikira berdasarkan kepada jumlah penceen-pencen itu.

Perlanjutan Pembayaran Elaun Penyelarasan dan Pencen Tambahan

6. Elaun Penyelarasan (Adjustment Allowance) yang telah diluluskan oleh Ketetapan Council Negeri yang bertarikh 7hb Disember, 1960 dan pencen tambahan yang telah diluluskan oleh Ketetapan Council Negeri yang bertarikh 3hb Mac, 1962 akan terus dibayar, di mana berkenaan, keatas penceen-penceen mengikut kadar yang sama sebagaimana yang sebenarnya dibayar sebelum 1hb Januari, 1973. Seterusnya semasa tempoh perlanjutan pencen itu, kadar itu tidak akan tertakluk kepada sebarang perubahan tidak kira (a) sebarang perubahan mengenai kedudukan orang-orang tanggungan pesara tersebut atau (b) jumlah pencen itu telah bertambah atau berkurangan.

Definisi

7. Bagi maksud pembayaran Elaun Tambahan di bawah peruntukan-peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini:

"Pencen" ialah jumlah bulanan sebenarnya yang dibayar sebagai penceen, samada disusutkan atau tidak disusutkan, atau sebagai elaun, di bawah undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual kepada Pekeliling Perkhidmatan ini, dan adalah termasuk sebarang pembayaran bulanan yang dibuat secara *ex-gratia*.

"pesara" ialah seorang yang menerima pencen sebagaimana yang ditakrifkan di atas.

Pemakaian

8. Elaun Tambahan yang diluluskan di bawah Pekeliling Perkhidmatan ini tidak akan dibayar ke atas penceen-penceen yang dikira berdasarkan kepada gaji bersih di bawah sistem gaji bersih.

DATUK ABDULLAH BIN AYUB,
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,

MALAYSIA.

KUALA LUMPUR

7hb Februari, 1974.